

PERKEMBANGAN PENULISAN SERTA PENGGUNAAN ISTILAH *QAWL MU'TAMAD* DI DALAM MAZHAB SHAFI'I

Aizul Mohd Ismon

Kolej Universiti Islam Melaka
aizulismon@kuim.edu.my

Muhammad Alif Md Aris

Maktab Rendah Sains MARA Alor Gajah

ABSTRAK

Mazhab Shafi'i adalah salah satu mazhab yang muncul dalam era perkembangan ilmu Islam. Kelahiran dan kemasyhuran mazhab ini dibuktikan dengan terhasilnya pelbagai karya-karya fiqh yang telah ditulis oleh para tokoh dan pendokong mazhab. Namun begitu, di dalam hasil karya ini, terdapat beberapa istilah-istilah tertentu yang menunjukkan sesuatu makna tertentu yang tidak diterangkan secara terperinci. Ini menyebabkan timbulnya kekeliruan dan keraguan dikalangan pembaca dan pengkaji fiqh terutamanya yang baru berjinak-jinak dalam bidang fiqh ini. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenalpasti istilah-istilah dan autoriti *qawl mu'tamad* dalam mazhab Shafi'i. Bagi menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan metod kualitatif. Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan bahawa perkembangan penulisan mazhab shafi'i mempunyai beberapa peringkat iaitu *al-Ta'sis*, *al-Naql*, *Tadwin Furu' al-Madhab wa al-Tawsi' fi Masailah*, *al-Tahrir*, dan *al-Istiqrar*. Perkembangan ini juga mempengaruhi penggunaan istilah-istilah tertentu yang digunakan oleh para mujtahid mazhab Shafie seperti *qawl mu'tamad*. Penggunaan istilah *qawl mu'tamad* dikategorikan kepada dua kategori iaitu *qawl mu'tamad* yang bersumber daripada imam Shafi'i dan *qawl mu'tamad* yang bersumber daripada *ashab* Shafi'i. Penggunaan istilah ini bertujuan untuk mengenali pandangan yang ditarjihkan dan ia merupakan ijtihad imam Shafi'i dari segala pandangan-pandangan beliau. Kemudian, pandangan yang terbit daripada kaedah-kaedah dan usul-usulnya yang sah sandaran kepada mazhabnya dan ia lazim berfatwa, berhukum dan mengikutnya bagi pengikut mazhabnya. Perkembangan mazhab ini bertitik tolak daripada kesinambungan para fuqaha Shafi'iyah yang meneruskan tradisi ilmu yang berpandukan manhaj Imam Shafi'i.

Kata kunci: Penulisan, Istilah *Qawl Mu'tamad*, Mazhab Shafi'i

DEVELOPMENT OF WRITING AND USE OF THE QAWL MU'TAMAD TERM IN MAZHAB SHAFI'I

ABSTRACT

Syafi'i school is one of the schools that appeared in the era of the development of Islamic knowledge. The birth and fame of this sect is evidenced by the results of various works of fiqh that have been written by the figures and supporters of the sect. However, in this work, there are some specific terms that indicate certain meanings that are not explained in detail. This leads to the emergence of confusion and doubt among readers and scholars of fiqh, especially those who are new to this field of fiqh. Therefore, this study is to identify the conditions and authority of mu'amad qawl in the Syafi'i school. To complete this study, researchers have used qualitative methods. The conclusion from this study shows that the development of the school of Shafi'i writing has several stages, namely al-Ta'sis, al-Naql, Tadwin Furu 'al-Madhab wa al-Tawsi' fi Masailah, al-Tahrir, and al -Istiqrar. This development also influenced the use of certain terms used by the mujtahid of the Shafie sect such as qawl mu'amad. The use of the term qawl mu'amad is categorized into two categories, namely qawl mu'amad which is sourced from imam Syafi'i and qawl mu'amad which is sourced from ashab Syafi'i. The use of this term is intended to identify the translated view and that is the ijtihad of Imam Syafi'i from all his views. Then, the views arising from the rules and proposals that legitimately support his sect and usually fatwa, law and follow it for the followers of his sect The development of this sect is based on the continuity of the Shafi'i scholars continue the tradition of knowledge guided by Imam Shafi'i.

Keywords: *Writing, Qawl Mu'tamad, Shafi'i School*

PENDAHULUAN

Mazhab-mazhab fiqh telah muncul sekitar kurun ke-2 Hijrah⁹³. Kemunculan mazhab-mazhab fiqh ini telah membawa satu dimensi baharu dalam epistemologi ilmu Islam. Zaman kemunculan mazhab fiqh ini dikenali sebagai zaman keemasan Islam kerana berlakunya perkembangan hukum-hukum dan fatwa⁹⁴.

Era keemasan ini telah melahirkan tokoh pengasas mazhab-mazhab fiqh dan cendekiawan yang mahir di dalam disiplin ilmu seperti ilmu Fiqh, ilmu Usul al-Fiqh, ilmu Ulum al-Quran, ilmu Ulum al-Hadith dan berbagai-bagai disiplin ilmu lagi. Era keemasan Islam ini turut dikenali sebagai era *Salaf al-Salih*. Salah satu mazhab fiqh yang muncul pada era ini ialah mazhab Shafi'i.

⁹³ Muhammad Ibrahim Ahmad 'Ali, *al-Mazhab inda Shafi'iyah*, (Majalah *Jami'ah* al-Malik Abd al-'Aziz, Mei 1978), 2.

⁹⁴ Muhammad Ali Sumairan et al., *al-Madkhal ila al-fiqh al-Islami wa Usuluh* (Mafraq: Universiti Al al-Bayt, 2006), 83; Azman Ab Rahman, "Konsep Fatwa Dan Cabaran Penguatkuasaannya Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur", *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa* 2, no. 1 (2011), 16.

Dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan mengenai mazhab Shafi'i secara umumnya. Bab ini dibahagikan kepada lima bahagian iaitu pengenalan, peringkat perkembangan mazhab Shafi'i, istilah-istilah fiqh mazhab Shafi'i, *qawl mu'tamad* mazhab Shafi'i dan kesimpulan. Pada bahagian peringkat perkembangan mazhab Shafi'i, penyelidik menyenaraikan lima peringkat perkembangan dan akan dihuraikan secara ringkas setiap peringkat perkembangan tersebut. Seterusnya pada bahagian ketiga, penyelidik membahagikan kepada dua bahagian kecil dalam membincangkan penggunaan istilah dalam mazhab Shafi'i.

Bahagian yang berikutnya, penyelidik akan merunikaikan maksud *qawl mu'tamad* di dalam mazhab Shafi'i. Di akhir bab ini, terdapat kesimpulan hasil daripada perbincangan ini.

PERINGKAT PERKEMBANGAN MAZHAB SHAFI'I

Sebelum meneruskan perbincangan lebih lanjut mengenai istilah fiqh mazhab Shafi'i ini, hendaklah diketahui bahawasanya sejarah kemunculan mazhab Shafi'i ini dibahagikan kepada lima peringkat iaitu *al-Ta'sis*, *al-Naql*, *Tadwin Furu' al-Mazhab wa al-Tawsi' fi Masailah*, *al-Tahrir* dan *al-Istiqrar*⁹⁵.

Al-Ta'sis (التأسيس)

Peringkat ini dikenali sebagai peringkat permulaan atau asas. Mazhab ini diasaskan oleh Muhammad bin Idris al-Shafi'i⁹⁶. Kehebatan Imam Shafi'i sebagai seorang mujtahid dan mujaddid kurun kedua terserlah apabila beliau mampu menghimpunkan antara fiqh Hijjaz⁹⁷ dan fiqh Iraq⁹⁸ serta mewujudkan manhaj pertengahan di antara dua aliran ini. Ini disebabkan beliau memperolehi ilmu dari dua tokoh tersohor di dalam mazhab Hanafi dan Maliki iaitu Imam Malik⁹⁹ dan Imam Muhammad bin Hassan al-Syaibani¹⁰⁰ yang merupakan penyambung kepada fiqh Hanafi.

⁹⁵ Hassan Ahmad, "*Taqrirat al-Sadidah fi al-Masa'il al-Mufidah*", (Hadharamaut: Dar al-Mirath an-Nabawiyah, 2003), 38; Umar bin al-Habib Hamid, "*Fath al-Aliyy bi Jami' al-Khilaf baina Ibn Hajr wa Ibn Ramli*", (Jeddah: Dar al-Minhaj, 2010), 15.

⁹⁶ Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin Idris bin al-'Abbas bin 'Uthman bin Shafi'. Dilahirkan di Gaza pada tahun 150H dan wafat di Mesir pada tahun 204H. Merupakan salah seorang Imam Mujtahid dari kalangan imam fiqh Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, (Damsyik: Dar al-Musthafa, 2010), 414; Saad Abdul Rahman, "*Ensiklopedia Ulama*", (Putrajaya: Jakim, 2001), 1: 126.

⁹⁷ Dikenali sebagai Madrasah Ahli al-Hadith ataupun Madrasah Madinah. Menurut as-Shaharstani dinamakan Ahli al-Hadith kerana penjagaan mereka terhadap hadith dan hukum-hakam yang dikeluarkan berdasarkan *al-nusus* serta tidak menggunakan qiyas. Lihat Umar Sulaiman, "*al-Madkhal al-Shari'ah al-Fiqh al-Islami*", (Abdali: Dar an-Nafais, 2005), 192.

⁹⁸ Madrasah Ahli al-Ra'yi ataupun Ahli Iraq. Dikenali sebagai Ahli Ra'yi kerana kebanyakan hukum yang dikeluarkan berdasarkan akal dan qiyas. Tidak dimaksudkan di sini mereka tidak berpegang dengan al-Quran dan al-sunnah. Lihat Umar Sulaiman, "*al-Madkhal al-Syariah al-Fiqh al-Islami*", 194.

⁹⁹ Nama sebenar beliau ialah Malik bin Anas bin Abi Amir. Dilahirkan di Madinah pada tahun 93 Hijrah dan juga wafat di Madinah pada tahun 179 Hijrah. Pengasas kepada mazhab Maliki. Merupakan guru kepada Imam al-Shafi'i. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 395.

¹⁰⁰ Salah seorang murid Imam Hanafi dan juga penyambung dalam membukukan dan mengembangkan fiqh Hanafi. Dilahirkan pada tahun 131H dan wafat pada 189H. Guru kepada Imam al-Shafi'i ketika beliau berada di kota Baghdad. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 376.

Kewujudan *qawl qadim* dan *qawl jadid* turut berlaku pada peringkat ini hasil daripada perubahan fatwa yang berlaku ketika Imam Shafi'i bermusafir dari Iraq ke Mesir dan menetap di sana sehingga wafat. Kewafatan Imam Shafi'i menjadi tanda berakhirnya peringkat ini. Beliau telah meninggalkan kepada kita beberapa hasil karya yang begitu agung di dalam pelbagai bidang ilmu antaranya *al-Hujjah*¹⁰¹, *al-Umm*¹⁰², *al-Risalah*¹⁰³ dan lain-lain lagi.

Al-Naql (النقل)

Peringkat ini merupakan peringkat penyalinan dan pemindahan ilmu. Ia dihidupkan oleh anak-anak murid Imam Shafi'i dan *Ashabnya* (pengikut) dengan menyebarkan ilmu yang diperolehi daripada Imam Shafi'i sehingga wujudnya mazhab Shafi'i. Sebagai seorang yang diiktiraf keilmuannya, imam Shafi'i mempunyai begitu ramai penuntut ilmu yang memperolehi mutiara-mutiara ilmu dari beliau. Selain daripada menuntut ilmu, mereka ini juga merupakan sahabat dan penganut kepada mazhab Shafi'i¹⁰⁴. Antara anak murid yang masyhur mewarisi khazanah ilmu daripada beliau ketika beliau berada di Kota Makkah ialah al-Humaidi¹⁰⁵, Ibn 'Amm al-Shafi'i¹⁰⁶, Ibn Abi al-Jarud¹⁰⁷ dan selainnya. Manakala ketika beliau berada di Kota Baghdad antara sahabat dan seterusnya menjadi anak murid beliau ialah al-Za'farani¹⁰⁸, Ahmad bin Hanbal¹⁰⁹, Abu Thaur¹¹⁰, Ibn Rahuwaih¹¹¹ dan selainnya.

¹⁰¹ Menurut al-Hassan az-Za'farani dinamakan al-Hujjah kerana menolak pandangan dan manhaj istinbat hukum fuqaha' ahli Iraq. Lihat Akram Yusuf, "*al-Madkhal ila Madhab al-Imam al-Shafi'i*", (Abdali: Dar an-Nafais, 2003), 210.

¹⁰² Menurut Zakaria Mubarak di dalam "*Tarikh al-Adab al-Arabi*" bahawasanya Kitab al-Umm ini ditulis oleh Imam Buwaiti bukannya Imam Shafi'i dan pendapat ini ditolak sama sekali. Lihat Akram Yusuf, "*al-Madkhal ila Mazhab al-Imam al-Shafi'i*", 230.

¹⁰³ Kitab usul fiqh yang pertama kali dihasilkan. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 504.

¹⁰⁴ Mat Saad Abdul Rahman, "*Ensiklopedia Ulama*", 2: 1.

¹⁰⁵ Beliau ialah 'Abdullah bin al-Zubair bin 'Isa al-Qurashi. Merupakan seorang ulama yang paling lama berdamping dengan imam Shafi'i dan bersama-sama dengan imam Shafi'i ketika pengembaraannya dari Makkah ke Baghdad dan dari Baghdad ke Mesir. Wafat pada bulan Rabi' al-Awal tahun 219H. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "*Ensiklopedia Ulama*", 2: 5-6.

¹⁰⁶ Namanya yang sebenar ialah Ibrahim bin Muhammad bin al-'Abbas bin 'Uthman al-Muttalibi al-Shafi'i. Wafat pada tahun 237H. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "*Ensiklopedia Ulama*", 2: 6-7.

¹⁰⁷ Beliau ialah Musa bin Abi al-Jarud. Beliau mempelajari ilmu fiqh daripada imam Shafi'i. Menjadi tempat rujukan ketika berlaku percanggahan hukum. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "*Ensiklopedia Ulama*", 2: 7.

¹⁰⁸ Beliau ialah al-Hassan bin Muhammad bin al-Sabah al-Baghdadi. Wafat pada tahun 260 Hijrah. Menetap di Baghdad. Beliau merupakan salah seorang sahabat dan yang meriwayatkan *qawl al-qadim* Imam Shafi'i. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 417; Mat Saad Abdul Rahman, "*Ensiklopedia Ulama*", 2: 21-22.

¹⁰⁹ Beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal bin Hilal al-Shaibani. Dilahirkan di kota Baghdad tahun 164H. Antara hasil karya peninggalan beliau ialah *al-Musnad* dan *al-Nasikh wa al-Mansukh*. Wafat di kota Baghdad pada hari Jumaat, 10 Rabi' al-Awal tahun 241H. Mat Saad Abdul Rahman, "*Ensiklopedia Ulama*", 1: 169-171.

¹¹⁰ Nama sebenar beliau ialah Ibrahim bin Khalid bin Abi al-Yaman. Asalnya beliau ialah pengikut mazhab Hanafi sehinggalah beliau terkesan dengan mazhab Shafi'i apabila imam Shafi'i datang ke kota Baghdad. Walaupun beliau sahabat kepada imam Shafi'i, namun beliau mempunyai mazhabnya sendiri sehinggalah apa sahaja keputusan yang dibuat olehnya tidak dianggap *wajh*. Wafat pada bulan Safar 246H di kota Baghdad. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "*Ensiklopedia Ulama*", 2: 14-16.

¹¹¹ Beliau ialah Ishaq bin Ibrahim bin Makhlad bin Matr al-Hanzali. Lahir di Marw pada tahun 161H. Antara hasil karya beliau ialah kitab *al-Sunan fi al-Fiqh* dan kitab *al-Tafsir*. Wafat pada pertengahan bulan Sha'ban tahun 238H di Naisabur. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "*Ensiklopedia Ulama*", 2: 12-14.

Seteusnya ketika imam Shafi'i bermusafir ke Mesir, antara ulama yang menjadi anak murid beliau ialah al-Buwaiti¹¹², al-Muzani¹¹³, al-Muradi¹¹⁴ dan selainnya.

Perkembangan mazhab Shafi'i pada peringkat ini begitu pesat hasil daripada kesungguhan anak murid beliau dalam meriwayatkan dan memindahkan apa yang telah difatwakan oleh imam Shafi'i. Di samping itu, mereka juga turut berijtihad pada perkara yang tidak pernah dibincangkan oleh imam al-Shafi'i dan terdapat kemungkinan jika perkara tersebut sudah dibincangkan, maka ia berlawanan dengan apa yang ditetapkan oleh Imam Shafi'i¹¹⁵. Kepesatan perkembangan mazhab Shafi'i ini juga turut dibantu oleh karya-karya ilmu yang dihasilkan oleh para anak murid Imam Shafi'i. Karya-karya yang dihasilkan oleh mereka ini tersebar luas di pelbagai negara dan ada yang masih dicetak sehingga hari ini.

Tadwin Furu' Al-Madhab Wa Al-Tawsi' Fi Masailah (تدوين فروع المذهب والتوسيع في مسائله)

Peringkat ini merupakan peringkat menghimpun dan meluaskan lagi perkara-perkara yang masih menjadi perbincangan di dalam mazhab. Misalnya pada peringkat ini terdapat dua *tariq* (jalan) atau madrasah terkenal iaitu *Tariq al-Iraqiyyin* (طريق العراقيين) dan *Tariq al-Khurasaniyyin*¹¹⁶ (طريق الخراسانيين). Kedua-dua *tariq* ini muncul pada kurun ke-4 dan ke-5 Hijrah¹¹⁷.

Tariq al-Iraqiyyin merupakan madrasah fiqh Shafi'i yang muncul di Iraq. *Tariq* ini mempunyai lapan tahap perkembangan yang diwarisi oleh para fuqaha Shafi'iyyah. Ia diketuai oleh Abu Hamid al-Isfarayini¹¹⁸. Kemudian diikuti dan diteruskan lagi oleh al-Mawardi¹¹⁹, Abu al-Ta'iyib al-Tabari¹²⁰, al-Bandaniji¹²¹,

¹¹² Beliau ialah Abu Ya'qub Yusuf bin Yahya al-Buwaiti. Beliau telah mengambil alih tugas mengajar dan memberi fatwa setelah kewafatan imam Shafi'i. Antara kitab yang dihasilkan oleh beliau ialah *Mukhtasar al-Buwaiti*. Wafat pada hari Jumaat dalam bulan Rejab pada tahun 231H. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 415; Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 2: 29-31.

¹¹³ Nama sebenar Ismail bin Yahya bin Ismail bin Amru bin Ishaq al-Muzani al-Misri. Dilahirkan pada tahun 175H dan wafat pada enam hari terakhir bulan Ramadhan tahun 264H di Mesir. Antara hasil karya yang dihasilkan beliau ialah *al-Mabsut*, *al-Mukhtasar* dan lain-lain lagi. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 418; Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 2: 37-39.

¹¹⁴ Beliau ialah al-Rabi' bin Sulaiman bin Abd al-Jabbar bin Kamil al-Muradi. Dilahirkan di Mesir pada tahun 174H dan wafat di Mesir pada hari Isnin bersamaan 20 Syawal tahun 270H. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 418; Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 2: 43-45.

¹¹⁵ Muhammad Ibrahim Ahmad Ali, "al-madhab inda al-Shafi'iyyah", 7.

¹¹⁶ Khurasan meliputi empat buah daerah iaitu Naisabur, Hurah, Balkha dan Marw. Lihat Ali Juma'ah, "al-Madkhal ila Dirasati al-madhab al-Fiqhiyyah", (Kaherah: Dar al-Salam, 2012), 47.

¹¹⁷ Muhammad al-Zuhayli, "al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i", (Damsyik: Dar al-Qalm, 2010), 1: 26.

¹¹⁸ Beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Ahmad al-Isfarayini. Dilahirkan pada tahun 344H. Antara kitab yang dihasilkan oleh beliau ialah *al-Ta'liqah al-Kubra*, *al-Raunaq* dan *al-Bustam*. Wafat di Baghdad pada Sabtu 11 Syawal tahun 406H. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 425; Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 3: 11-12.

¹¹⁹ Beliau ialah Abu Hassan Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardi. Dilahirkan di Basrah pada tahun 364H. Banyak menghasilkan karya penulisan antaranya *al-Hawi*, *al-Iqna'*, *al-Ahkam al-Sultaniyyah* dan lain-lain lagi. Wafat di Baghdad pada hari Selasa akhir bulan Rabi' al-Awal tahun 450H ketika berusia 86 tahun. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 427; Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 3: 48-50.

¹²⁰ Beliau ialah al-qadi Abu al-Ta'iyib Tahir bin 'Abdullah bin Tahir bin 'Umar al-Tabari. Dilahirkan di amul, Tabaristan pada tahun 348H. Antara karya yang dihasilkan beliau ialah *Sharh al-Mukhtasar al-Muzani* dan *al-*

al-Mahamili¹²², Sulaim al-Razi¹²³ dan lain-lain lagi. Antara kitab yang telah dihasilkan oleh para ulama melalui *tariq* ini ialah *Ta'liqah al-Syeikh Abu Hamid al-Isfarayini*, *al-Zakhirah*, *al-Duraiq* dan sebagainya¹²⁴. Bagi *tariq al-Khurasaniyyin*, ia mempunyai sembilan tahap perkembangan¹²⁵. Ia dimulai oleh Ishak bin Rahuwaih al-Hanzali dan Hamid bin Yahya bin Hani' al-Balkhi. Selepas daripada itu, *tariq* ini dipelopori oleh al-Qaffal al-Saghir Abu Bakar al-Marwazi¹²⁶. Kemudian ia disambung oleh Abu Muhammad al-Juwaini¹²⁷, al-Furani¹²⁸, al-Qadhi Hussin¹²⁹, Abu Ali al-Sinji¹³⁰, al-Masu'di¹³¹ dan lain-lain lagi. Dari sudut karya penulisan yang dihasilkan oleh *tariq* ini ialah seperti *al-Tahdhib*, *al-Ibanah*, *al-'Umdah* dan sebagainya¹³²

Menurut Imam al-Nawawi di dalam kitab beliau *al-Majmu' Sharh al-Muhadhab*: “ketahuilah sesungguhnya apa yang dinukilkan oleh *Ashab al-Iraqiyyin* terhadap nas-nas Shafi'i dan kaedah-kaedah mazhabnya kebiasaannya lebih teliti dan tepat daripada apa yang dinukilkan oleh *Ashab al-Khurasaniyyin*. Walaubagaimanapun, *Ashab al-Khurasaniyyin* kebiasaannya lebih baik dari segi

Mujarrad. Wafat pada waktu Asar hari Sabtu pada bulan Rabi' al-Awal 450H ketika berusia 120 tahun. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, “*Ensiklopedia Ulama*”, 3: 47-48.

¹²¹ Nama sebenar beliau ialah al-Qadi Abu 'Ali al-Hassan bin 'Abdullah al-Bandanji. Antara karya beliau ialah kitab *al-Jami'* dan kitab *al-Dhakhirah*. Wafat di al-Bandanjain Baghdad pada bulan Jamadi al-Awal tahun 425H. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, “*Ensiklopedia Ulama*”, 3: 27-28.

¹²² Beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Ahmad al-Dabbi al-Mahamili. Dilahirkan di Baghdad pada tahun 368H. Anak murid kepada Abu Hamid al-Isfarayini. Antara hasil karya beliau ialah *al-Muqni'*, *al-Lubab* dan lain-lain lagi. Wafat pada hari Rabubula Rabi' al-Akhir 415H ketika berusia 47 tahun. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, “*Ensiklopedia Ulama*”, 3: 19-20.

¹²³ Beliau ialah Abu al-Fath Sulaim bin Ayyub bin Sulaim al-Razi. Lahir di al-Raiyy pada tahun 365H. Antara hasil karya yang dihasilkan oleh beliau ialah *Diya' al-Qulub*, *al-Taqrir*, *al-Mujarrad* dan *al-Isharah*. Beliau wafat dalam kejadian mati lemas di Laut al-Qulzum, berhampiran Pantai Jaddah dalam perjalanan pulang dari menunaikan haji pada bulan Safar 447H. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, “*Ensiklopedia Ulama*”, 3: 43-44.

¹²⁴ Ali Juma'ah, “*al-Madkhal ila Dirasati al-Madhab al-Fiqhiyyah*”, 52.

¹²⁵ *Ibid.*, 48.

¹²⁶ Beliau ialah 'Abdullah bin Ahmad bin 'Abdullah al-Marwazi. Digambarkan sebagai guru kepada seluruh penduduk Khurasan. Lahir pada tahun 327H di Khurasan. Antara karya yang dihasilkan beliau ialah *al-Fatawa*, *Sharh al-Talkhis* dan *Sharh al-Furu'*. Wafat di Sijstan pada tahun 417H ketika berusia 91 tahun. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 426; Mat Saad Abdul Rahman, “*Ensiklopedia Ulama*”, 3: 20-22.

¹²⁷ Beliau ialah Abu 'Abdullah bin Yusuf al-Juwaini. Diberi gelaran Rukn al-Din. Ayah kepada imam Haramain al-Juwaini. Antara hasil karya beliau ialah al-Furuq, al-Silsilah, al-Tabsirah dan lain-lain lagi. Wafat di Naisabur selepas menghidap penyakit selama 17 hari pada bulan Zulkaedah tahun 438H. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 426; Mat Saad Abdul Rahman, “*Ensiklopedia Ulama*”, 3: 37-38.

¹²⁸ Beliau ialah Abu al-Qasim 'Abd al-Rahman bin Muhammad al-Marwazi. Lahir pada tahun 388H di Marw. Pemilik kepada kitab *al-Ibanah* dan kitab *al-'Umdah*. Wafat dalam bulan Ramadan tahun 461H di Marw. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, “*Ensiklopedia Ulama*”, 3: 55-56.

¹²⁹ Beliau ialah Abu 'Ali al-Husain bin Muhammad bin Ahmad al-Marwarruzi dan dikenali sebagai Hibr *al-Ummah*. Antara karya yang dihasilkan beliau ialah *al-Ta'liq al-Kabir*, *Asrar al-Fiqh* dan *al-Fatawa al-Mufidah*. Wafat selepas solat Isya' malam Rabu 23 Muharram tahun 426H. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, “*Ensiklopedia Ulama*”, 3: 56-57.

¹³⁰ Beliau ialah 'Abu 'Ali al-Husain bin Shu'aib bin Muhammad al-Marwazi al-Sinji. Memiliki beberapa buah kitab penulisan antaranya *Sharh al-Mukhtasar*, *Sharh al-Furu' li Ibn al-Haddad* dan *Sharh al-Talkhis li Ibn al-Qas*. Terdapat perbezaan pendapat pada tahun kewafatannya iaitu 427H, 430H dan 436H. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, “*Ensiklopedia Ulama*”, 3: 29-31.

¹³¹ Abu 'Abdullah Muhammad bin 'Abdullah bin Mas'ud al-Marwazi. Berasal daripada Marw. Terdapat sebuah kitab yang dihasilkan beliau dalam menghuraikan matan *Mukhtasar*. Wafat di Marw dalam lingkungan tahun 420H. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, “*Ensiklopedia Ulama*”, 3: 25.

¹³² *Ibid.*, 50.

penyuntingan, pengkajian, pengembangan dan penyusunan¹³³. Telah muncul beberapa tokoh ulama seperti al-Ruyani¹³⁴, Ibn al-Sabbagh¹³⁵, al-Shashi¹³⁶, al-Mutawalli¹³⁷, imam Haramain al-Juwaini¹³⁸, dan al-Ghazali¹³⁹ yang telah mengabungkan kedua-dua *tariq* ini¹⁴⁰. Menurut beberapa pendapat antaranya seperti apa yang dinukilkan oleh Taj al-Din al-Subki¹⁴¹ "Abu 'Ali al-Husain bin Shu'aib bin Muhammad al-Marwazi al-Sinji yang mengikut *tariq al-Khurasaniyyin* merupakan ulama pertama yang menggabungkan kedua-dua *tariq* ini"¹⁴².

Al-Tahrir (التحرير)

Peringkat ini dikenali sebagai peringkat pengeditan, penyuntingan penyelesaian dan perundingan. Ia bermula pada akhir kurun ke-6 Hijrah¹⁴³. Ianya dipelopori oleh dua individu yang telah *mentarjih*, mengeluarkan dan membuat pilhan di antara dua *tariq* iaitu *al-Iraqiyyin* dan *al-Khurasaniyyin*. Mereka berdua ini ialah imam al-Rafi'i¹⁴⁴ dan imam al-Nawawi¹⁴⁵ serta disandarkan gelaran kepada mereka in dengan *Sheikh al-Madhhab* ataupun *Sheikhan*¹⁴⁶.

¹³³ Abu Zakariyya Muhyi al-Din bin Sharaf al-Nawawi, "al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab", (Kaherah, al-Maktabah al-Taufiqiyyah, 2010), 1: 112.

¹³⁴ Beliau ialah Abu al'Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ahmad al-Ruyani al-Tabari. Penulis kitab *al-Jurjaniyyat*. Wafat pada tahun 450H. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 3: 50.

¹³⁵ Nama sebenar beliau ialah Abu Nasr 'Abd al-Saiyyid bin Muhammad al-Baghdadi. Dilahirkan di kota Baghdad pada 400H. Terkenal dengan gelaran *Sahib al-Shamil*. Mempunyai beberapa buah karya antaranya *al-Shamil*, *al-Kamil* dan *Kifayat al-Masa'il*. Wafat pada hari Selasa 13 Jamadi al-Akhir tahun 477H. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 3: 66-68.

¹³⁶ Beliau ialah Abu Bakar Muhammad bin Ahmad bin al-Husain bin 'Umar al-shashi al-Mutazhiri. Diberi gelaran *Fakhr al-Islam*. Lahir di Maiyyafariqin pada bulan Muharram tahun 429H. Antara hasil karya beliau ialah *Hilyat al-'Ulama*, *al-Targhib fi al-Madhhab* dan *al-'Umdah*. Wafat di Baghdad pada hari Sabtu 15 Shawal tahun 507H. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 3: 105-106.

¹³⁷ Beliau ialah Abu Sa'd 'Abd al-Rahman bin Ma'mun bin 'Ali bin Ibrahim al-Naisaburi dikenali dengan panggilan *Sahib al-Tatimmah*. Ahir di Naisabur pada tahun 427H. Antara hasil karya beliau ialah *al-Tatimmah 'ala al-Ibanah* dan *Mukhtasar fi al-Fara'id*. Wafat di Baghdad pada malam Jumaat 10 shawal tahun 478H. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 3: 71-72.

¹³⁸ Beliau ialah Diya' al-Din Abu al-Ma'ali 'Abd al-Malik bin 'Abdullah al-Juwaini. Putera kepada Abi Muhammad al-Juwaini. Dilahirkan di Juwain pada 12 Muharram tahun 419H. Mempunyai beberapa hasil karya yang agung antaranya *Nihayah al-Matlab fi Dirayat al-Madhhab*, *al-Burhan* dan *Mughith al-Khalq*. Wafat pada malam Rabu selepas solat Isya' 25 Rabi' al-Akhir tahun 478H ketika berusia 59 tahun. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 3: 69-71.

¹³⁹ Beliau ialah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Tusi, *Hujjat al-Islam* al-Ghazali. Lahir pada tahun 450H. Antara hasil karya beliau ialah *al-Wasit*, *al-Basit*, *al-Wajiz* dan *Ihya' 'Ulum al-Din*. Wafat pada pagi hari Isnin 14 Jamadi al-Akhir tahun 505 H di Tus ketika berusia 55 tahun. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 334; Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 3: 103-105.

¹⁴⁰ Muhammad al-Zuhayli, "al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i", 1: 27.

¹⁴¹ Beliau ialah 'Abd al-Wahhab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi al-Subki. Dilahirkan pada tahun 727H di Kaherah. Antara hasil karya beliau yang mashur ialah *Tabaqat al-Shafi'iyyah*. Wafat di Damsiyq akibat penyakit ta'un pada hari Selasa 7 Zulhijjah tahun 771H ketika berusia 44 tahun. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 4: 165-167.

¹⁴² Muhammad al-Zuhayli, "al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i", 1: 27; Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 3: 30; Ali Juma'ah, "al-Madkhal ila Dirasati al-Madhhab al-Fiqhiyyah", 53.

¹⁴³ Muhammad Umar, "al-Mu'tamad inda al-Shafi'iyyah Dirasah Nazariyyah Tadbiqiyyah", (Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Beirut al-Islamiyyah, 2008), 29.

¹⁴⁴ Beliau ialah Abu al-Qasim 'Abd al-Karim bin Muhammad bin 'Abd al-Karim bin al-Fadhl. Lahir pada tahun 557 H. Antara karya penulisan beliau ialah *Fath al-'Aziz Sharh al-Wajiz*, *al-Muharrar*, *Sharh al-Kabir* dan *Sharh al-Saghir*. Wafat di Qazwin pada bulan Zulkaedah tahun 623H ketika berusia 66 tahun. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 432; Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 4: 34-35.

Mereka menyunting dan mengedit setiap permasalahan yang dibincangkan berserta dengan dalil-dalil yang disandarkan pada setiap permasalahan tersebut. Mereka juga merajihkan di antara riwayat-riwayat dan *qawl-qawl* di dalam mazhab Shafi'i.

Al-Istiqrar (الإستقرار)

Peringkat ini dikenali sebagai peringkat pengukuhan dan penetapan. Bermulanya peringkat *al-istiqrar* ini pada akhir kurun ke-9 Hijrah¹⁴⁷. Peringkat ini dipelopori dengan kegigihan dan kesungguhan dua fuqaha yang hebat iaitu Ibn Hajr al-Haytami¹⁴⁸ dan al-Ramli¹⁴⁹. Kedua-dua fuqaha ini mengukuhkan lagi mazhab Shafi'i ini dengan menyelesaikan masalah yang belum dibincangkan oleh *Sheikhan* dari sudut kata-kata dan riwayat-riwayat.


¹⁴⁵ Beliau ialah Yahya bin Sharaf bin Mira bin Hassan Muhy al-Din al-Nawawi. Dilahirkan di Nawa pada 10 Muharram tahun 631H. Antara karya yang telah beliau hasilkan ialah *al-Minhaj*, *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab* dan *Raudah al-Thalibin*. Wafat pada malam Rabu 24 Rejab tahun 676H di Nawa. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 256; Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 4: 76-78.

¹⁴⁶ Hassan Ahmad, "Taqrirat al-Sadidah fi al-Masa'il al-Mufidah", 41.

¹⁴⁷ Muhammad Umar, "al-Mu'tamad inda al-Shafi'iyyah Dirasah Nazariyyah Tadbiqiyah", 29.

¹⁴⁸ Beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Hajar al-Haytami atau gelarannya *al-Imam al-'Allamah al-Bahr al-Zakhir*. Dilahirkan di Mesir pada bulan Rejab tahun 909H. Antara kitab yang dihasilkan beliau ialah *Tuhfah al-Muhtaj 'ala Sharh al-Minhaj*. Wafat di Makkah pada bulan Rejab tahun 973H. Lihat Umar Habib Hamid, "Fath al-Aliyy bi Jami' al-Khilaf baina Ibn Hajr wa Ibn Ramli", 18; Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 8: 18-20.

¹⁴⁹ Beliau ialah Muhammad bin Ahmad bin Hamzah, masyhur dengan gelaran Shafi'i *shaghir*. Dilahirkan di Kaherah pada akhir Jamadi al-Akhir tahun 919H. Merupakan anak kepada salah seorang *faqih* mazhab Shafi'i iaitu Ahmad bin Ahmad bin al-Hasan al-Ansari al-Ramli. Antara karya yang dihasilkan beliau ialah *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*, *al-Fatawa* dan berbagai lagi. Wafat pada hari Ahad 13 Jamadi al-Awal tahun 1004H di Kaherah. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 437; Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 8: 56-58.



ISTILAH DALAM MAZHAB SHAFI'I

Penggunaan sesuatu lafaz atau istilah oleh para ulama adalah untuk menunjukkan kepada sesuatu makna tertentu. Kepelbagaian penggunaan istilah ini dapat dilihat pada kitab-kitab yang telah dihasilkan oleh para ulama sama ada mutaqaddimin atau mutaa'khirin terutamanya di dalam bidang fiqh. Pada asalnya istilah-istilah ini terdapat di dalam ilmu usul fiqh yang ditentukan oleh para *usuliyyin* (ulama Usul al-Fiqh) dan penggunaannya dilakukan oleh para fuqaha¹⁵⁰. Setiap mazhab fiqh mempunyai istilah-istilah yang tertentu dalam memberi gambaran yang khusus terhadap sesuatu lafaz. Antara tujuan penggunaan istilah ini ialah untuk membantu mengenalpasti sesuatu pendapat sama ada ia pendapat *mu'tamad* ataupun *rajih*¹⁵¹. Pengetahuan mengenai istilah-istilah ini membantu kepada para pengkaji dan penuntut ilmu menjadi faqih serta tidak tersalah dalam memahami sesuatu apa yang dikehendaki oleh mazhab tersebut¹⁵².

Disamping itu, penguasaan terhadap kefahaman istilah ini membantu setiap para pengkaji untuk memahami setiap perbahasan yang diutarakan oleh para fuqaha tentang sesuatu permasalahan dengan tepat. Bagi mazhab Shafi'i terdapat beberapa istilah penting yang sering digunapakai di dalam karya-karya fiqh mazhab Shafi'i. Memahami istilah-istilah ini begitu penting untuk memahami, beramal dan mengeluarkan hukum berdasarkan fiqh Shafi'i.

PERBEZAAN ANTARA ISTILAH SHAFI'I (الشافعي) DAN SHAFI'IYYAH (الشافعية)

Bagi kebanyakan penuntut ilmu dan pengkaji mazhab Shafi'i, apabila mengkaji kitab fiqh Shafi'i maka akan didapati sesuatu permasalahan itu mempunyai dua atau lebih pendapat. Kepelbagaian pendapat ini bukanlah menjadi satu kesalahan bahkan ia merupakan satu keistimewaan kepada para pengkaji untuk melihat sama ada pendapat itu sah atau sebaliknya¹⁵³. Justeru itu, memahami perbezaan maksud istilah antara Shafi'i dan Shafi'iyyah amat dituntut agar dapat dibezakan antara pendapat Imam Shafi'i atau pendapat fuqaha dalam mazhab Shafi'i¹⁵⁴. Hal ini kerana wujudnya beberapa pendapat yang tidak disandarkan kepada imam Shafi'i dan begitu juga sebaliknya.

Istilah Shafi'i ialah apa yang dinaskan dan disandarkan kepada Imam Shafi'i sendiri dari segi hukum-hakam ataupun apa yang diambil daripada pendapat dan penulisannya¹⁵⁵.

Gelaran *al-Ashab* (الأصحاب) ialah sandaran yang diberikan kepada fuqaha yang dinisbahkan kepada mazhab Shafi'i. Justeru itu, istilah Shafi'iyyah membawa erti *awjuh* (pendapat) yang dikeluarkan oleh *ashab* Shafi'iyyah berdasarkan kata-kata imam Shafi'i atau pendapat yang diambil berpandukan

¹⁵⁰ Muhammad al-Zuhayli, "al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i", 1: 18.

¹⁵¹ Wahbah al-Zuhayli, "al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu", (Damsyik: Dar al-Fikr, 2008), 1: 61.

¹⁵² Umar Sulaiman, "al-Madkhal ila Dirasati al-Madhahib al-Mudaris al-Fiqhiyyah", (Abdali: Dar an-Nafais, 2007), 102.

¹⁵³ Ali Juma'ah, "al-Madkhal ila Dirasati al-Mazhab al-Fiqhiyyah", 40.

¹⁵⁴ Muhammad Umar, "al-Mu'tamad inda al-Shafi'iyyah Dirasah Nazariyyah Tadbiqiyyah", 98.

¹⁵⁵ Ibid.

kepada usul atau kaedah yang ditetapkan oleh imam Shafi'i¹⁵⁶. Mereka juga turut berijtihad kepada sesuatu masalah jika tidak ada asalnya.

Kedua-dua istilah ini mempunyai maksud yang berbeza. Justeru itu, setiap pendapat atau fatwa yang wujud di dalam mazhab Shafi'i perlu diteliti agar tidak berlaku kecelaruan dalam menyandarkan sesuatu hukum kepada imam Shafi'i ataupun *Ashab* Shafi'i.

ISTILAH-ISTILAH FIQH SHAFI'I

Istilah ialah apa yang dipersetujui oleh sekumpulan tertentu terhadap sesuatu perkara yang khusus di antara mereka¹⁵⁷. Dalam karya fiqh Shafi'i terdapat pelbagai istilah yang khusus yang digunakan dan setiap istilah-istilah ini membawa maksud dan makna yang tersendiri. Penggunaan istilah ini boleh dikategorikan kepada dua iaitu istilah gelaran yang disandarkan kepada fuqaha mazhab Shafi'i dan istilah yang digunakan oleh fuqaha dalam setiap pendapat yang terdapat dalam fiqh mazhab Shafi'i¹⁵⁸.

a) Istilah Fuqaha Mazhab Shafi'i

Menjadi kewajipan kepada para pengkaji mazhab Shafi'i memahami penggunaan istilah yang disandarkan kepada para fuqaha Shafi'iyah. Hal ini kerana setiap fuqaha di dalam mazhab Shafi'i mempunyai gelaran-gelaran yang tertentu di dalam karya-karya *turath* (klasik) fiqh mazhab Shafi'i. Penisbahan gelaran ini kadang kala berbeza antara seorang fuqaha dengan fuqaha yang lain. Antara istilah yang disandarkan kepada fuqaha mazhab Shafi'i ialah *al-Imam* (الإمام). Istilah ini disandarkan kepada 'Abdal Malik bin 'Abdallah bin Yusuf bin 'Abdallah bin Muhammad al-Juwaini.

Istilah yang seterusnya ialah *al-Syarih* (الشارح). Jika disebut *Syarih* (شراح) secara *nakirah* (umum) maka ia disandarkan kepada sesiapa yang mensyarahkan sesuatu kitab¹⁵⁹. Adapun jika di*itlaq*kan secara *makrifah* (adanya ال) seperti *al-Syarih Muarrifan* (الشارح معرفاً) atau *al-Syarih al-Muhaqqiq* (الشارح المحقق) maka yang dimaksudkan di sini ialah Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim al-Misr al-Mahalli¹⁶⁰ atau lebih dikenali sebagai Jalal al-Din al-Mahalli¹⁶¹. Seterusnya istilah *al-Syeikh* (الشيخ) yang membawa erti guru. Penggunaan istilah ini bukan hanya disandarkan kepada seorang fuqaha sahaja

¹⁵⁶ Muhammad Umar, "al-Mu'tamad inda al-Shafi'iyah Dirasah Nazariyyah Tadbiquyyah", 98.

¹⁵⁷ Taqiyyudin al-Husaini, "Kifayah al-Akhyar fi Hal Ghayah al-Ikhtisar", (Jeddah: Dar al-Minhaj, 2008), 25.

¹⁵⁸ Muhammad al-Zuhayli, "al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i", 1: 25; Akram Yusuf, "al-Madkhal ila Madhhab al-Imam as-Shafi'i", 505; Muhammad Ibrahim, "Mustolahat al-Fuqaha' al-Usuliyyin", (Kaherah: Dar as-Salam, 2009), 136; Ahmad al-Saggaf, "Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fi ma Yahtajuh Tolabah al-Shafi'iyah", (Beirut: Dar al-basyar al-islamiyyah, 2004), 87.

¹⁵⁹ Akram Yusuf, "al-Madkhal ila Madhhab al-Imam al-Shafi'i", 514; Ahmad al-Saggaf, "Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fima Yahtajuh Tolabah al-Shafi'iyah", 89.

¹⁶⁰ Ahmad al-Saggaf, "Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fima Yahtajuh Tolabah al-Shafi'iyah", 88.

¹⁶¹ Dilahirkan pada tahun 791H di Kaherah. Beliau mensyarahkan kitab yang dihasilkan oleh imam al-Nawawi berkenaan fiqh mazhab Shafi'i iaitu *al-Minhaj al-Thalibin*. Kitab syarah beliau yang diberi nama *Kanz al-Raghibin fi Sharh Minhaj al-Thalibin*. Wafat pada pagi Sabtu tahun 864H di Kaherah akibat cirit-birit. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 6: 56-58.

tapi berbeza-beza mengikut pandangan masing-masing. Yang pertama istilah ini disandarkan Ibrahim bin 'Ali bin Yusuf bin 'Abdullah¹⁶² atau lebih dikenali sebagai Abu Ishaq al-Syairazi¹⁶³.

Bagi Khatib al-Syirbini¹⁶⁴ di dalam kitab yang dihasilkan oleh beliau iaitu *Mughni al-Muhtaj*, istilah ini disandarkan kepada Shihab al-Din al-Ramli¹⁶⁵. Di samping itu, ia turut disandarkan kepada anaknya iaitu Shams al-Din al-Ramli kerana ia berfatwa berdasarkan apa yang difatwakan oleh ayahnya.

Istilah *al-Syeikhan* (الشيخان) membawa maksud dua orang syeikh. Istilah ini disandarkan kepada dua orang imam iaitu imam al-Nawawi dan imam al-Rafi'i.

Al-Syuyukh (الشيوخ) membawa maksud ramai syeikh. Ia merupakan salah satu istilah yang begitu masyhur di dalam kitab-kitab fiqh Shafi'i. Gelaran ini disandarkan kepada tiga orang imam iaitu imam Nawawi, imam Rafi'i dan imam al-Subki¹⁶⁶.

Bagi istilah *Syeikhuna* (شيخنا) yang bermaksud guru kami, menurut Khatib al-Syirbini dan Syamsuddin al-Ramli, gelaran *syekhuna* disandarkan kepada Syeikh al-Islam Zakaria al-Ansari¹⁶⁷. Begitu juga dengan Ibn Hajar al-Haytami¹⁶⁸ yang turut sama menyandarkan gelaran ini kepada Syeikh al-Islam Zakaria al-Ansari¹⁶⁹.

Al-Qadi (القاضي) merupakan istilah yang disandarkan kepada Qadi Abu Ali, Hussain bin Muhammad bin Ahmad¹⁷⁰.

Al-Qadiyyain (القاضيان) yang membawa erti dua orang qadhi disandarkan kepada al-Ruyani dan al-Mawardi¹⁷¹.

Ini adalah merupakan sebahagian istilah gelaran kepada fuqaha di dalam karya fiqh masing-masing. Di sana, masih ada lagi istilah yang digunakan dan

¹⁶² Muhammad al-Zuhayli, "al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i", 1: 27.

¹⁶³ Lahir pada tahun 393 Hijrah di Fairuzabadi. Antara hasil karya beliau ialah al-Muhadhdhab dan al-Tanbih. Wafat pada hari Ahad 21 Jamadi al-Akhir tahun 476H di Baghdad. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 3: 64-65.

¹⁶⁴ Beliau ialah Muhammad bin Ahmad al-Sharbini al-Qahiri atau lebih dikenali dengan al-Khatib al-Sharbini. Tidak diketahui tentang kelahirannya dan menurut al-Zirikli beliau dilahirkan di Kaherah. Antara karya peninggalan beliau ialah *Mughni al-Muhtaj* ila Ma'rifat Alfaz al-Minhaj dan al-Iqna' fi Hilli Alfaz Abi Shuja'. Wafat selepas waktu 'Asar, hari Khamis 2 Sha'ban pada tahun 977H di Kaherah. Lihat Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 8: 22-23.

¹⁶⁵ Beliau ialah Ahmad bin Ahmad bin al-Hasan. Antara karya peninggalan beliau ialah *Risalah fi Shurut al-Imamah*. Wafat di Mesir pada tahun 973H. Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 8: 17-18.

¹⁶⁶ Imam al-Subki ialah Taqy al-Din 'Ali bin 'Abd al-Kafi bin 'Ali bin Tamam. Dilahirkan di Sabk pada bulan Safar tahun 683H. Kitab al-Ibtihaj fi Sharh al-Minhaj dan kitab Takmilat al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab merupakan antara hasil karya beliau. Anaknya bernama 'Abd al-Wahab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi merupakan salah seorang al-faqih di dalam mazhab Shafi'i. Wafat pada malam Isnin 3 jamadi al-Akhir 756H ketika berusia 93 tahun. Lihat Muhammad al-Zuhayli, Marji' al-Ulum al-Islamiyyah, 582-584; Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 4: 152-154.

¹⁶⁷ Akram Yusuf, "al-Madkhal ila Madhhab al-Imam al-Shafi'i", 514.

¹⁶⁸ Ahmad al-Saggaf, "Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fima Yahtajuh Tolabah al-Shafi'iyyah", 89.

¹⁶⁹ Sheikh al-Islam Zakaria al-Ansari merupakan seorang *faqih* di dalam mazhab Shafi'i. Nama sebenar beliau ialah Zakaria bin Muhammad bin Ahmad bin Zakaria al-Ansari. Lahir pada tahun 823H (ada pendapat mengatakan 826H) di Sanikah. Antara hasil karya peninggalan beliau ialah *Asna al-Matalib fi Sharh Raud al-Talib* dan *Fath al-Wahhab*. Wafat di Kaherah pada hari Jumaat, 4 Zul al-Hijjah tahun 926H. Lihat Muhammad al-Zuhayli, *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, 591; Mat Saad Abdul Rahman, "Ensiklopedia Ulama", 7: 74-75.

¹⁷⁰ Ahmad al-Saggaf, "Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fima Yahtajuh Tolabah al-Shafi'iyyah", 87; Akram Yusuf, "al-Madkhal ila Mazhab al-Imam as-Shafi'i", 513.

¹⁷¹ Ahmad al-Saggaf, "Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fima Yahtajuh Tolabah al-Shafi'iyyah"; Akram Yusuf, "al-Madkhal ila Mazhab al-Imam as-Shafi'i", 513.

mungkin mengalami perubahan berdasarkan zaman, masa dan tempat¹⁷². Justeru, perkembangan istilah ini perlu ditingkatkan agar kefahaman yang lebih jelas dan tepat dapat dilakukan dari semasa ke semasa.

b) Istilah yang digunakan oleh fuqaha dalam fiqh mazhab Shafi'i

Para fuqaha mazhab Shafi'i telah menetapkan beberapa peraturan dan kaedah untuk mengenalpasti sesuatu pendapat sama ada ia *rajih*, *marjuh*, daif dan sebagainya. Bagi kategori kedua iaitu istilah yang digunakan oleh fuqaha dalam fiqh mazhab Shafi'i, terdapat beberapa istilah-istilah khusus yang menggambarkan sesuatu pandangan atau pendapat. Istilah-istilah yang digunakan ini boleh dikatakan pandangan-pandangan yang dikeluarkan oleh imam Shafi'i dan juga fuqaha mazhab Shafi'i. Antara istilah-istilah yang digunakan ialah¹⁷³:

Aqwal (أقوال) iaitu kata-kata atau pendapat yang dikeluarkan oleh Imam Mazhab iaitu imam Shafi'i. Kemungkinan ada dua pendapat yang lama dan kemungkinan ada dua pendapat yang baharu. Ataupun pendapat lama dan pendapat baharu. Kemungkinan kedua-dua pendapat ini diucapkan oleh imam Shafi'i pada satu waktu atau pada dua waktu yang berbeza dan ada kemungkinan dirajihkan salah satu daripada dua pendapat ini atau sebaliknya.

Seterusnya istilah *Awjuh* (أوجه) merupakan pandangan *ashab-ashab* Shafi'i yang dinisbahkan kepada mazhab Shafi'i. Dikeluarkan dan distinbatkan pandangan ini melalui usul-usul dan kaedah-kaedah mazhab Shafi'i. Mereka ini berijtihad antara satu sama lain. Ijtihad mereka ini tidak akan diambil kira jika bertentangan dengan usul imam Shafi'i.

Al-Tarq (الطرق) pula ialah perbezaan *ashab-ashab* dalam meriwayatkan sesuatu pandangan dalam mazhab Shafi'i. Antara contohnya ialah pada masalah ini ada dua *qawl*, pada masalah ini ada dua *wajh*, tidak dibolehkan melainkan satu *qawl*, tidak dibolehkan melainkan satu *wajh* dan ada padanya khilaf mutlak.

Qawl Qadim (قول القديم) membawa erti pendapat lama. Pendapat atau fatwa yang dikeluarkan oleh imam Shafi'i ketika berada di Iraq. Pendapat ini dimuatkan di dalam buku penulisan beliau iaitu *al-Hujjah*. Disamping itu terdapat beberapa orang ulama yang meriwayatkan pendapatnya ini seperti Ahmad bin Hanbal, al-Za'farani, al-Karabisi dan Abu Thaur. Kebanyakan pendapat lama ini telah ditarik kembali apabila imam Shafi'i mengeluarkan pendapat dan fatwa yang baharu.

Qawl Jadid (قول الجديد) membawa erti pendapat baharu. Pendapat atau fatwa yang dikeluarkan oleh imam Shafi'i ketika berada di Mesir sama ada dibukukan atau di fatwakan. Pendapat ini diriwayatkan oleh al-Buwaiti, al-Muzani, al-Rabi' dan sebagainya. Antara kitab yang mengumpulkan pendapat ini ialah *al-Umm*, *al-Imla'*, *Mukhtasar al-Buwaiti* dan *Mukhtasar al-Muzani*

¹⁷² Zulkifli Mohamad, "*Istilah-Istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab*", (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013), 305.

¹⁷³ Ahmad al-Saggaf, "*Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fima Yahtajuh Tolabah al-Shafi'iyyah*", 109; Akram Yusuf, "*al-Madkhal ila Mazhab al-Imam as-Shafi'i*", 502; Muhammad al-Zuhayli, "*al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i*", 1:22; Muhammad Ibrahim, "*Mustolahat al-Fuqaha' al-Usuliyyin*", 171; Ali Juma'ah, "*al-Madkhal ila Dirasati al-Madhhab al-Fiqhiyyah*", 81; Mustafa Hamid, "*Tabsirah al-Muhtaj bima Khafiyya min Mustalah al-Minhaj*", (Kuwait: Dar al-Dhaya'a, 2014), 17.

Setiap masalah terdapat dua pendapat yang dikeluarkan oleh imam Shafi'i iaitu *Qadim* dan *Jadid*. Maka *qawl Jadid* merupakan pendapat yang lebih diterima berbanding *qawl Qadim*. Hal ini kerana *qawl Qadim* merupakan pendapat yang lama dan sudah ditarik kembali pendapat tersebut kecuali tujuh belas hingga dua puluh masalah yang masih menggunakan *qawl Qadim*¹⁷⁴.

Perlu diingat bahawasanya, tidak semua pendapat baharu itu berlawanan dengan pendapat lama dan tidak semestinya pendapat lama ditolak akan tetapi terdapat juga pendapat lama yang masih diguna dan diamalkan.

Al-Azhar (الأظهر) merupakan pandangan yang lebih kuat dan rajih daripada dua atau lebih pandangan yang datangnya daripada imam Shafi'i. Jika berlaku perselisihan dua pandangan yang sama-sama berdiri di atas dalil yang kuat maka akan dilakukan pentarjihan. Pentarjihan terhadap pendapat ini dinamakan *al-Azhar*. Berlawanan dengan pendapat rajih ini iaitu pendapat *marjuh* (lemah) disebut sebagai *al-zahir*.

Al-Masyhur (المشهور) pula membawa erti tarjihan antara dua atau lebih pandangan imam Shafi'i yang berdiri atas dalil yang lemah. Hasil daripada pentarjihan ini dikenali sebagai *al-masyhur*.

Al-Asah (الأصح) merupakan satu istilah yang menunjukkan wujudnya khilaf terhadap sesuatu masalah dikalangan *ashab* Shafi'i. Kewujudan khilaf ini terbina atas dasar mempunyai dalil yang sama-sama kuat. Maka akan dipilih satu pandangan yang *mu'tamad* dan rajih. Pandangan inilah disebut atau diibaratkan sebagai *al-Asah*. Manakala pandangan yang berlawanan tadi akan diibarat dengan *muqabilahu kadha* (مقابلته كذا) atau *wassani kadha* (والثاني كذا).

Al-Sahih (الصحيح) pula ialah satu istilah yang mengisyaratkan terjadinya khilaf dikalangan *ashab* Shafi'i terhadap sesuatu masalah. Pandangan yang benar ini dikenali sebagai *al-sahih* dan pandangan yang berlawanan dengannya dikenali sebagai pandangan yang daif.

Tidak menggunakan istilah *al-Asah* ataupun *al-Sahih* terhadap pendapat dan fatwa yang dikeluarkan oleh imam Shafi'i merupakan adab dan akhlak imam al-Nawawi dalam menghormati imam Shafi'i¹⁷⁵.

Al-Nas (النص) merupakan ayat-ayat dan penulisan yang tercatat di dalam kitab-kitab imam Shafi'i. Dinamakan *al-Nas* kerana ia *marfu'* (sandarkan) kepada imam Shafi'i iaitu dari perkataannya sendiri. Lawan bagi perkataan ini ialah *al-Mukharrij*.

Al-Madhhab (المذهب) ialah pandangan yang rajih ketika wujudnya khilaf dikalangan *ashab* Shafi'i ketika meriwayatkan pandangan yang menjadi mazhab, baik pandangan tersebut diriwayatkan daripada dua jalur riwayat atau lebih.

Al-Takhrij (التخريج) adalah jawapan imam Shafi'i dengan dua hukum yang berbeza pada dua soalan yang saling menyerupai, namun tidak zahir sifat yang dapat membezakan antara keduanya, sehingga *ashab* Shafi'i menukulkan jawapan imam Shafi'i tersebut pada setiap masalah kepada masalah yang lain. Maka munculah pada setiap masalah, dua *qawl*, iaitu *mansus* dan *mukharraj*. Yang menjadi *mansus* pada masalah ini menjadi *mukharraj* pada masalah itu dan yang

¹⁷⁴ Ahmad al-Saggaf, "Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fima Yahtajuh Tolabah al-Shafi'iyah", 113; Muhammad al-Zuhayli, "al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i", 1:25.

¹⁷⁵ Ahmad al-Saggaf, "Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fima Yahtajuh Tolabah al-Shafi'iyah", 109.

menjadi *mansus* pada masalah itu menjadi *mukharraj* pada masalah ini. Dan dikatakan pada *mansus* dan *mukharraj* dua *qawl* dengan *al-Naqal* dan *al-Takhrij*.

Dalam pada itu terdapat juga beberapa istilah-istilah yang menunjukkan lemahnya sesuatu *qawl* atau *wajh*, diantaranya ialah *qila kadha* (قيل كذا), *fi wajh kadha* (في وجه كذا), *fi qawl kadha* (في قول كذا) dan *ruwi* (روي).

QAWL MU'TAMAD

Di sisi mazhab Shafi'i, pada asalnya tiada penggunaan dan makna istilah yang khusus bagi istilah *qawl mu'tamad*¹⁷⁶. Bahkan di dalam karya-karya *mutaqaddim* turut tidak menggunakan istilah ini. Walaubagaimanapun, Syeikh al-Islam Zakaria al-Ansari merupakan fuqaha yang pertama yang mempelopori penggunaan istilah *mu'tamad* ini iaitu sekitar kurun 10 Hijrah¹⁷⁷. Hal ini seperti yang dinukilkan di dalam kitab beliau yang bertajuk *Fath al-Wahab ala Sharh Minhaj al-Tullab*. Akan tetapi, yang memberi makna khusus secara istilah ialah anak murid beliau iaitu Ibn Hajr al-Haytami di dalam muqadimah kitab *Tuhfah al-Muhtaj li Sharh al-Minhaj*.

Qawl mu'tamad di sisi Shafi'iyah ialah pandangan yang ditarjihkan dan ia merupakan ijithad imam Shafi'i dari segala pandangan-pandangan beliau, atau pandangan yang terbit daripada kaedah-kaedah dan usul-usulnya yang sah sandaran kepada mazhabnya dan ia lazim berfatwa, berhukum dan mengikutnya bagi pengikut mazhabnya¹⁷⁸. Dari perspektif sumber, *qawl mu'tamad* dalam mazhab Shafi'i boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu *qawl mu'tamad* yang bersumber daripada imam Shafi'i dan *qawl mu'tamad* yang bersumber daripada *ashab* Shafi'i.

Qawl mu'tamad yang bersumber daripada imam Shafi'i mempunyai dua bentuk iaitu *al-Azhar* (الأظهر) dan *al-Masyhur* (المشهور). Antara kitab yang dijadikan rujukan untuk melihat pandangan imam Shafi'i ini ialah kitab *al-Umm*. Manakala *qawl mu'tamad* yang bersumber daripada *ashab* Shafi'i juga mempunyai dua bentuk iaitu *al-Asah* (الأصح) dan *al-Sahih* (الصحيح). Mengikut pandangan ulama *mutaa'khirin*, *qawl mu'tamad* fuqaha mazhab Shafi'i dari kalangan *mutaqaddimin* ialah pendapat yang ditarjihkan oleh imam al-Nawawi dan imam al-Rafi'i¹⁷⁹. Di samping itu, apa yang disepakati oleh Ibn Hajr dan al-Ramli pada masalah-masalah yang belum pernah dibahasakan sebelum mereka, maka ia turut dikira sebagai *qawl mu'tamad* iaitu mereka ini dari kalangan fuqaha mazhab Shafi'i *mutaa'khirin*¹⁸⁰.

Jika berlaku khilaf dikalangan al-Nawawi dan al-Rafi'i maka didahulukan pandangan al-Nawawi. Diharuskan juga berfatwa dengan semua *qawl* dari keduanya¹⁸¹. Apabila bertembung pandangan al-Nawawi dengan pandangannya dari lain-lain sumber tulisannya maka kitabnya menurut tertib *mu'tamad* dalam

¹⁷⁶ Muhammad Umar, "al-Mu'tamad inda al-Shafi'iyah Dirasah Nazariyyah Tadbiquyyah", 20.

¹⁷⁷ *Ibid.*, 22.

¹⁷⁸ Muhammad al-Zuhayli, "al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i", 1: 22.

¹⁷⁹ Hassan Ahmad, "Taqrirat al-Sadidah fi al-Masa'il al-Mufidah", 39; Ahmad Sulaiman, "an-Nahju al-Aqwa fi Arkan al-Fatwa", (Riyadh: Dar al-Asimah, 2008), 290.

¹⁸⁰ Hassan Ahmad, "Taqrirat al-Sadidah fi al-Masa'il al-Mufidah", 39.

¹⁸¹ *Ibid.*

mazhab ialah *al-Tahqiq* diikuti *al-Majmu' Sharh al-Muhadhab* diikuti *al-Tanqih* diikuti *Rawdah al-Talibin* diikuti *Minhaj al-Talibin* diikuti *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim* dan akhir sekali *Tashih al-Tanbih*¹⁸².

Kemudian apa yang ditarjihkan oleh Ibn Hajr dan al-Ramli. Kebanyakan ulama Mesir berpegang kepada pandangan yang dikeluarkan oleh Imam Ramli di dalam kitab beliau iaitu *Nihayah al-Muhtaj li Sharh al-Minhaj*¹⁸³. Kitab ini telah dibacakan kepada hampir empat ratus orang ulama Shafi'i serta diperkemas dan dikritik oleh mereka. Kitab ini telah sampai kepada had mutawatir dalam kebenaran kandungan mazhab Shafi'i. Bagi ulama Hadharamaut, Syam dan Hijaz, pendapat *mu'tamad* ialah apa yang dikeluarkan oleh Ibn Hajr al-Haytami melalui kitab beliau iaitu *Tuhfah al-Muhtaj li Sharh al-Minhaj*¹⁸⁴.

Adapun mazhab Shafi'i ini telah sempurna ditahqiq oleh al-Nawawi dan al-Rafi'i. Kemudian dikukuhkan lagi perbahasan-perbahasannya di tangan Ibn Hajr dan al-Ramli. Maka ulama *mutaa'khirin* membenarkan pandangan mereka ini digazetkan sebagai fatwa. Jika berlaku pertembungan di antara *qawl mu'tamad mutaa'khirin* iaitu pertembungan di dalam kitab *Nihayah* dan *Tuhfah* pada masalah yang tidak dapat ditarjihkan¹⁸⁵, maka yang *mu'tamad* dalam mazhab pada masalah fatwa, apa yang dipilih oleh Syeikh al-Islam Zakaria al-Ansari melalui kitabnya *Sharh al-Bahjatu al-Saghir* kemudian kitabnya *al-Manhaj wa Sharhah*. Kemudian apa yang dipilih oleh al-Khatib al-Syarbini. Kemudian apa yang dipilih oleh *ashab* al-Hawasyi (tokoh-tokoh Hasyiah)¹⁸⁶. Kebiasaannya *ashab* al-Hawasyi bersetuju dan menerima pakai dengan pendapat al-Ramli.

KESIMPULAN

Oleh yang demikian, melalui bab ini, dapatlah disimpulkan bahawa mazhab Shafi'i merupakan salah satu mazhab yang menjadi pegangan majoriti masyarakat Islam pada waktu ini dari sudut fiqhnya. Perkembangan mazhab ini bertitik tolak daripada kesinambungan para fuqaha Shafi'iyah yang meneruskan tradisi ilmu yang berpandukan manhaj Imam Shafi'i.

Disamping itu, kejayaan mazhab Shafi'i ini dibuktikan lagi dengan wujudnya ratusan bahkan ribuan kitab yang telah dihasilkan oleh para fuqaha Shafi'iyah dalam memperkukuhkan lagi fiqh Imam Shafi'i. Kebanyakan kitab-kitab ini masih boleh dibaca dan dikaji sehingga hari ini. Namun begitu terdapat juga beberapa kitab yang telah hilang ditelan zaman.

Justeru itu, bagi para pengkaji dan pengamal fiqh mazhab Shafi'i perlulah kepada pengetahuan lebih mendalam tentang istilah, *uslub* (gaya) dan manhaj dalam membaca sesuatu kitab. Hal ini memudahkan kefahaman para pengkaji terutamanya pengkaji kitab-kitab *turath* memahami kehendak pengarang kitab dengan sebenarnya.

¹⁸² Ahmad al-Saggaf, "Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fi ma Yahtajuh Tolabah al-Shafi'iyah", 73.

¹⁸³ Ibid., 75.

¹⁸⁴ Ahmad al-Saggaf, "Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fi ma Yahtajuh Tolabah al-Shafi'iyah", 75.

¹⁸⁵ Ahmad al-Saggaf, "Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fi ma Yahtajuh Tolabah al-Shafi'iyah", 76; Zulkifli Mohamad, "Istilah-Istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab", 330.

¹⁸⁶ Ahmad al-Saggaf, "Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fi ma Yahtajuh Tolabah al-Shafi'iyah", 78.

RUJUKAN

- Abu Zakariyya Muhyi al-Din bin Sharaf al-Nawawi (2010), "*al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*", Kaherah, al-Maktabah al-Taufiqiyyah
- Ahmad al-Saggaf (2004), "*Mukhtasar al-Fawaid al-Makkiyyah fi ma Yahtajuh Tolabah al-Shafi'iyyah*", Beirut: Dar al-basyar al-Islamiyyah
- Ahmad Sulaiman (2008), "*an-Nahju al Aqwa fi Arkan al-Fatwa*", Riyadh: Dar al-Asimah
- Akram Yusuf (2003), "*al-Madkhal ila Madhhab al-Imam al-Shafi'i*", Abdali: Dar an-Nafais
- Ali Juma'ah (2012), "*al-Madkhal ila Dirasati al-Madhhab al-Fiqhiyyah*", Kaherah: Dar al-Salam
- Azman Ab Rahman (2011), "Konsep Fatwa Dan Cabaran Penguatkuasaannya Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur", *Jurnal Pengurusan Dan penyelidikan Fatwa* 2, no. 1
- Hassan Ahmad (2003), "*Taqrirat al-Sadidah fi al-Masa'il al-Mufidah*", (Hadharamaut: Dar al-Mirath an-Nabawiyyah
- Muhammad Ali Sumairan et al. (2006), *al-Madkhal ila al-Fiqh al-Islami wa Usuluh*, Mafrag: Universiti Al al-Bayt
- Muhammad al-Zuhayli (2010), *Marji' al-Ulum al-Islamiyyah*, Damsyik: Dar al-Musthafa
- _____ (2010), "*al-mu'tamad fi al-Fiqh al-Shafi'i*", Damsyik: Dar al-Qalm
- Muhammad Ibrahim Ahmad 'Ali (1978), *al-Madhhab inda al-Shafi'iyyah*, Majalah *Jami'ah* al-Malik Abd al-'Aziz
- Muhammad Ibrahim (2009), "*Mustolahat al-Fuqaha al-Usuliyin*", Kaherah: Dar as-Salam
- Muhammad Umar (2008), "*al-mu'tamad inda al-Shafi'iyyah Dirasah Nazariyyah Tadbiquyyah*", Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Beirut al-Islamiyyah
- Mustafa Hamid (2014), "*Tabsirah al-Muhtaj bima Khafiyya min Mustalah al-Minhaj*", Kuwait: Dar al-Dhayya'
- Mat Saad Abdul Rahman (2001), "*Ensiklopedia Ulama*", Putrajaya: Jakim
- Taqiyyudin al-Husaini (2008), "*Kifayah al-Akhyar fi Hal Ghayah al-Ikhtisar*", Jeddah: Dar al-Minhaj
- Umar al-Habib Hamid (2010), "*Fath al-Aliyy bi Jami' al-Khilaf baina Ibn Hajr wa Ibn Ramli*", Jeddah: Dar al-Minhaj
- Umar Sulaiman (2005), "*al-Madkhal al-Syariah al-Fiqh al-Islami*", Abdali: Dar al-Nafais
- _____ (2007), "*al-Madkhal ila Dirasati al-Madhhab al-Mudaris al-Fiqhiyyah*", Abdali: Dar al-Nafais
- Wahbah al-Zuhayli (2008), "*al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*", Damsyik: Dar al-Fikr
- Zulkifli Mohamad (2013), "*Istilah-Istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab*", Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia